

Pegawai rendah diberi kuasa buat keputusan elak birokrasi

B.H 12/08/08 M/s 2

PUTRAJAYA: Kerajaan bercadang meliberalisasikan pengurusan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan memberi kuasa kepada pegawai peringkat rendah di setiap jabatan untuk membuat keputusan bagi mengurangkan kerenah birokrasi, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu juga membolehkan pegawai atasan tidak terlalu terbabat dalam pengurusan mikro atau perkara yang remeh dan menyebabkan

berlaku kelewatan pelbagai permohonan.

Ada cadangan pegawai peringkat rendah diberi peluang dan kuasa untuk membuat keputusan supaya pegawai atasan tidak dibebankan dan perlu memberi perhatian terhadap semua perkara.

"Apabila kita meliberalisasikan prosedur di setiap jabatan kerajaan, ia bertujuan menggalakkan dan memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam tidak terlalu banyak birokrasi," katanya pada sidang media

selepas mesyuarat pertama Majlis Ekonomi Negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Menjawab soalan sama ada kerajaan akan mempercepatkan tarikh pengumuman harga runcit petrol berikutan harga minyak mentah global semakin menurun, Abdullah berkata, kerajaan tetap berpegang pada rancangan asal sebelum ini.

Beliau berkata, harga runcit petrol akan ditetapkan pada setiap awal bulan ber-

dasarkan purata harga pasaran bulanan minyak mentah dunia dengan subsidi dikekalkan pada kadar 30 sen seliter, mulai 1 September depan.

"Kita akan teruskan apa sudah diumumkan dan dijanjikan sebelum ini," katanya.

Ditanya mengenai inisiatif baru yang dibincangkan majlis berkenaan bagi membantu mengurangkan beban rakyat dan mengurangkan inflasi, katanya, perbincangan dibuat secara umum selain mengenal pasti pelbagai bidang yang memberi kelesi-

han kepada negara.

Mengenai dakwaan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa pertumbuhan ekonomi negara akan terus merudum', beliau menjawab:

"Pertumbuhan ekonomi kita tidak akan jatuh, tetapi masih berkembang di paras sederhana. Anwar sentiasa berkata perkara yang negatif mengenai kita (kerajaan).

"Beliau sebelum ini pernah berkata akan ada undi tidak percaya (terhadap saya), tetapi tiada apa yang ber-

laku," katanya.

Abdullah juga berkata, perkembangan politik semasa, termasuk pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh tidak akan menjejaskan kestabilan politik

"Dia hanya tahu buat spekulasi.... itu saja... nak bagi laku," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, Barisan Nasional (BN) akan mengumumkan calon untuk bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh tidak lama lagi.